

Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah al-Salikin

Methods of Human Spiritual Education in Manuscripts Hidayah al-Salikin

Shohana Hussin¹

¹ Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Gelugor, P.Pinang, Malaysia;

Article progress

Received: 6 September 2022

Accepted: 16 December 2022

Published: 31 May 2023

*Corresponding author:
Shohana Hussin, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, P.Pinang, Malaysia;
Email: shohana@usm.my

Abstrak: Artikel ini bertujuan mengemukakan pendekatan kerohanian yang terkandung dalam manuskrip Hidayah al-Salikin sebagai kaedah pendidikan kerohanian insan yang boleh dijadikan asas kepada penyempurnaan pendekatan pendidikan Islam yang sedia ada, disamping mengukuhkan kefahaman pemikiran pendidikan Islam menerusi warisan sejarah keintellectual ulama Melayu Nusantara. Kaedah pendidikan kerohanian Islam telah di angkat sebagai satu pendekatan pendidikan insan yang berjaya dikemukakan oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani menerusi manuskrip Hidayah al-Salikin. Khazanah keilmuan ulama Melayu yang terkandung dalam manuskrip ini adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian dan dijadikan asas penting kepada usaha memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kini, yang turut menekankan sentuhan elemen pendidikan yang sama iaitu aspek pembinaan kerohanian dan emosi insan yang seimbang. Bagi menyempurnakan kajian ini, metodologi kajian kepustakaan menerusi analisis kandungan telah digunakan. Hasil dapatan kajian membentangkan sejumlah kaedah dan pendekatan pendidikan kerohanian insan dalam manuskrip Hidayah al-Salikin yang boleh diterapkan dalam usaha mengembalikan adab kesantunan kepribadian insan berteraskan pendidikan kerohanian Islam sebenar.

Kata kunci: Kaedah Pendidikan, Falsafah Pendidikan, Kerohanian Islam, Manuskrip Hidayah al-Salikin;

Abstract: This article aims to present the spiritual approach contained in the Hidayah al-Salikin manuscript as a method of human spiritual education that can be used as a foundation for refining the existing approach to Islamic education, as well as enhancing the understanding of Islamic educational thought through the intellectual legacy of Malay Nusantara scholars. The method of Islamic spiritual education has been accepted as an approach to human education, as presented by Sheikh Abdul Samad al-Falimbani in the Hidayah al-Salikin manuscript. The scholarly treasure of Malay scholars contained in this manuscript must be taken seriously and utilised as an important basis for efforts to meet the requirements of Islamic Education Philosophy and the current National Education Philosophy, both of which emphasise the same educational element, namely the aspect of fostering spirituality and balanced human emotions. The content analysis of the literature review methodology was applied to complete this study. The study found that the Hidayah al-Salikin manuscript contains a variety of ways and approaches that the human spiritual education can be applied to restore the manners of human personality based on the true Islamic spiritual education.

Keywords: Educational Methods, Education Philosophy, Islamic Spirituality, Manuscript Hidayah al-Salikin;

Pengenalan

Pendidikan rohani merupakan dasar dari seluruh bentuk pendidikan. Justeru, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menekankan aspek kerohanian yang berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sebagai aspek terpenting dalam memenuhi matlamat pembangunan insan yang bersepadu dan seimbang (Mohd Fuad, 2017). Pengabaian kepada aspek kerohanian dalam pendidikan adalah cabaran terbesar kepada usaha memenuhi matlamat ini. Hasil penelitian al-Attas dan Wan Mohd Nor (2018) turut menjelaskan bahawa impak pendidikan arus perdana kini yang bersifat sekular dan liberal telah meletakkan pendidikan masyarakat moden dalam krisis kerohanian dan kekeliruan ilmu dan adab yang semakin parah. Tiba masanya, perhatian dan penekanan aspek pendidikan kerohanian wajar dikembalikan pada kedudukannya yang sebenar.

Aspek pendidikan rohani dan pembentukan akhlak mulia merupakan tujuan utama pendidikan di dalam Islam. Pendidikan rohani berfungsi mengembangkan segala potensi rohani insan bagi membentuk perilaku dan sikap terpuji yang diterjemahkan melalui penampilan keperibadian sempurna (insan kamil). Pendidikan Islam memberi fokus utama kepada pembentukan insan kamil, yakni insan sempurna beradab yang memiliki kecerdasan intelek dan rohani sekaligus (al-Attas, 1991). Justeru para ilmuan dalam tradisi pendidikan Islam sentiasa berusaha membangunkan kaedah dan pendekatan terbaik dalam bidang pendidikan kerohanian insan.

Berasaskan kepada kepentingan ini, kajian ini membentangkan kaedah pendidikan kerohanian insan melalui kajian manuskrip *Hidayah al-Salikin* yang dihasilkan dalam korpus kerohanian atau tasawwuf Islam. Manuskrip *Hidayah al-Salikin* dibuktikan sebagai kitab jawi terawal ditulis oleh Syeikh Abdul Samad Al-Falimbanī sebagai ulama alam Melayu yang bertanggungjawab menyebarkan ajaran pendidikan kerohanian Islam secara meluas bagi masyarakat alam Melayu khususnya di Nusantara.

Manuskrip Hidayah al-Salikin

Kitab *Hidayah al-Salikin Fi Suluk Maslak al-Muttaqqin* atau judul ringkasnya *Hidayah al-Salikin* merupakan antara kitab terawal yang ditulis oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbanī. Dalam manuskrip ini

dicatatkan bahawa kitab ini selesai ditulis pada hari Selasa, 5 Muharam tahun 1192H di Mekah. Kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu dan mengandungi perbincangan ilmu tasawuf dan sedikit ilmu tentang akidah dan fikah (MSS 2904, Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: 24).

Isi kandungan manuskrip *Hidayah al-Salikin* terdiri daripada tujuh bab yang mencakupi perbahasan tiga bidang pengajian Islam, iaitu akidah, fiqah dan tasawuf. Ilmu akidah dibincangkan dalam bab pertama dengan tajuk “*Pada Menyatakan Akidah Ahli Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*”. Manakala permasalahan fiqah terkandung dalam bab kedua dengan tajuk “*Pada Menyatakan Berbuat Taat dan Ibadah Yang Zahir*” yang menghuraikan ketaatan yang terlaksana melalui amalan ibadah asas yang menjadi rutin harian. Sementara lima bab selebihnya yang bermula dari bab ketiga hingga ketujuh, khusus membahaskan permasalahan ilmu tasawuf. Penumpuan perbincangan lima bab terakhir tersebut mencakupi permasalahan hati, penyakit hati, sifat perhiasan bagi hati, zikrullah, adab-adab berhubungan sesama manusia dan adab hubungan dengan Allah SWT. Ini menjadikan perbahasan ilmu tasawuf atau kerohanian Islam sebagai bidang terbesar yang dihuraikan oleh al-Falimbanī dalam kitab tersebut (*Hidayah al-Salikin*, MSS 2904).

Inti pati dan susun atur tajuk-tajuk yang diutarakan oleh al-Falimbanī memperlihatkan satu cerminan perbincangan tentang kaedah pendidikan kerohanian menurut perspektif Islam. Bermula dari pembinaan asas akidah yang benar, pemantapan ilmu yang bermanfaat, melalui adab-adab ibadah yang asas, penyucian rohani dan jasmani dan diakhiri dengan pembinaan adab sosial yang lengkap. Justeru, pemikiran berhubung kaedah pendidikan kerohanian Islam yang terkandung dalam kitab ini sememangnya layak diberikan tumpuan penganalisisan yang sistematis dan lebih mendalam.

Pada mulanya manuskrip kitab ini disebarluaskan melalui proses penyalinan tangan yang dibuat terhadap manuskrip asalnya, terutama pada sekitar kurun ke-19M. Perkembangan ini boleh dikaitkan sebagai lanjutan tradisi kepenggarangan Melayu yang masih terikat dengan cara menyalin dan mengarang sesuatu (Ding 2003). Penyebaran kitab ini kemudian diperluaskan melalui percetakan bagi memenuhi keperluan dan permintaan umat Islam di Alam Melayu pada awal kurun ke-20M.

Naskhah awal manuskrip ini dicetak di Mekah pada tahun 1287H/1870M. Kitab *Hidayah al-Salikin* menjadi

pelopor kitab berbahasa Melayu bertulisan Jawi pertama ditashihkan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (m. 1908), di Matba'at al-Miriyah, Mekah. Percetakan seterusnya dilakukan di Bombay (1311H/1895M) dan Kaherah (1341H/1922M). Kemudian ia diulang cetak di Singapura (tanpa tarikh) dan Surabaya (1352H/1933M) (Wan Mohd. Saghir Abdullah 1996:112). Hingga kini kitab ini masih terus dicetak bagi memenuhi permintaan umat Islam di Indonesia, Malaysia, Thailand, Singapura dan Berunei.

Berdasarkan perkembangan penyebaran kitab ini yang masih kekal sebagai bahan rujukan yang masih disyarahkan dan diajar di masjid-masjid, surau, pondok dan halakah yang terdapat di seluruh pelosok Alam Melayu, boleh ditafsirkan bahawa kitab ini adalah rujukan asas penting yang digunakan dalam pembentukan pendidikan kerohanian MelayuIslam yang telah berlangsung hampir tiga dekad lamanya. Merujuk kepada aspek persejarahan ini sahaja, sudah wajarlah kitab yang tinggi nilainya ini menarik perhatian untuk layak dikaji dengan sepenuhnya.

Metodologi

Kajian ini berbentuk deskriptif yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Kaedah kualitatif berbentuk analisis teks dan kandungan digunakan bertujuan menjelaskan secara terperinci setiap kaedah pendidikan kerohanian yang terkandung dalam manuskrip *Hidayah al-Salikin*.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Kaedah Pendidikan Kerohanian Islam

Kaedah yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada pendekatan atau cara seseorang insan dibangunkan dan dididik berpandukan isi kandungan kitab ini, sehingga melayakkan dirinya bergelar muslim sebenar. Ini bermaksud apabila sesuatu kaedah tersebut difahami, bererti jalan yang dilalui atau cara yang digunakan dalam mendidik kerohanian insan muslim juga dapat diketahui.

Hasil analisis teks bagi keseluruhan manuskrip *Hidayah al-Salikin* mendapati kaedah pendidikan Islam yang disarankan oleh al-Falimbani adalah melalui tiga pendekatan yang utama iaitu *Ilmiyyah* (Ilmu), *Imaniyyah* (Iman), *Islamiyyah* (Islam) dan *Ihsaniyyah* (Ihsan) (*Hidayah al-Salikin* MSS 2904).

Pendekatan pertama yang ditekankan sebagai kaedah pendidikan seseorang insan berteraskan Islam ialah melalui kaedah *Ilmiyyah*. Kaedah ini menganjurkan umat Islam agar menuntut ilmu sampai ke peringkat *haq*

al-yakin (penghayatan teori) tidak sekadar *ilmu al-yakin* (ilmu teori). Hanya dengan melalui dua tingkat penguasaan ilmu ini, maka sempurnalah keyakinan terhadap ilmu yang disebut sebagai *kamal al-yakin*. Pada tahap ini, sesuatu ilmu dapat diupayakan fungsinya sebagai teras kekuatan budaya dan kualiti hidup insan.

Pendekatan *'Ilmiyyah* ini secara jelas ditonjolkan dalam pembentangan teks *Hidayah al-Salikin* berhubung konsep mendalamai ilmu, khususnya ilmu fardu ain berkaitan agama Islam yang terbahagi kepada ilmu tauhid, syariat dan tasawuf (Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, 1935). Apabila ilmu yang merangkumi dua *maratib*, iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah dikawal dengan keimanan berteraskan tauhid, maka dengan sendirinya tidak akan berlaku penyelewengan, baik dalam konsep ilmu itu sendiri maupun perlaksanaannya dalam kehidupan manusia (Muhammad Uthman el-Muhammady, 1972).

Analisis terhadap konsep pembangunan aqidah mendedahkan pendekatan yang disarankan oleh al-Falimbani bagi membangun sesebuah pendidikan ialah pendekatan *Imaniyyah*. Pendekatan *Imaniyyah* ialah pendekatan yang menyediakan keyakinan dan pegangan akidah yang kuat kepada insan melalui Rukun Iman. Keimanan kepada Allah SWT, malaikat, Rasul, dan hari akhirat yang dibentangkan cukup sebagai asas menggerakkan fitrah insan agar mengakui dan menyakini prinsip *rububiyyah* dan *uluhiiyah* dalam setiap gerak laku dan tindakan. Menurut Yusuf al-Qaradawi, keimanan kepada Allah SWT adalah mengakui kekuasaan-Nya sebagai sumber pergantungan insan yang sentiasa sedar dan percaya akan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah yang bertanggungjawab membangunkan segala yang ada di muka bumi (Mohamad Kamil, 2011).

Pendekatan *Imaniyyah* juga menerapkan nilai keteladanan yang tinggi bagi mempertingkatkan kerohanian insan. Melalui keimanan kepada sifat-sifat Kesempurnaan Allah SWT (*asma' wa sifat*), juga sifat-sifat para malaikat-Nya serta Rasul-Nya, setiap insan *muwahid* sentiasa berusaha meniru sifat-sifat kemuliaan tersebut agar menjadi pakaian jiwa dan rohaninya (Hassan, 1995).


Dalam usaha untuk meneguhkan dan memantapkan pegangan akidah atau iman pendekatan *Islamiyyah* telah digunakan sebagai formula terbaik bagi mengembalikan jati diri insan. Manakala modus operandinya ialah melalui taklif suruhan dan larangan yang termuat dalam syariah atau umumnya disebut ibadah. Ibadah yang terbahagi kepada dua, ibadah fardu dan ibadah sunat, telah diprogramkan sebagai kaedah yang dapat membangunkan semua potensi kebaikan yang terdapat dalam jiwa dan rohani insan. Terutamanya ibadah zikir

yang menjadi lambang penyaksian ketauhidan Allah SWT yang terkandung dalam kalimah **الله لا إله إلا** yang juga menjadi Rukun Islam yang pertama. Melalui kaedah *Islamiyyah* ini, segala sifat kekejadian hati (*mazmumah*) akan dihancurkan, manakala sebaliknya sifatsifat kepujian hati (*mahmudah*) dibangunkan. Dengan kata lain, pelaksanaan rukun-rukun Islam yang lain seperti solat, puasa, zakat dan haji adalah jalan yang ditunjukkan bagi meluruskan jiwa dan rohani insan untuk kembali mendekati Tuhan dengan cara yang direhái-Nya.

Dalam pada itu, pendekatan *Ihsaniyyah* turut disuburkan dalam jiwa insan yang beriman dan beramal bagi mencapai tahap kerohanian tertinggi, makrifat Allah. Pendekatan *Ihsaniyyah* yang dimaksudkan ialah pendekatan kerohanian atau amalan-amalan hati yang menjadi tema utama kandungan kitab ini.

Bagi merumuskan analisis kaedah pada peringkat makro terhadap keseluruhan kaedah pendidikan Islam, maka dibentangkan aliran proses yang perlu dilalui oleh seseorang individu yang ingin beramal kandungan kitab ini melalui petunjuk empat pendekatan tersebut yang dibentangkan melalui Rajah 1 berikut:

Rajah 1. Kaedah Pendidikan Kerohanian Islam Menurut Manuskrip *Hidayah al-Salikin*



Hasil analisis teks bagi keseluruhan kitab *Hidayah al-Salikin* mendapati kaedah pendidikan Islam yang cuba disarankan oleh al-Falimbanī adalah melalui pendekatan *'Ilmiyyah*, *Imaniyyah*, *Islamiyyah* dan *Ihsaniyyah*. Dengan kata lain konsep pembangunan aqidah yang terangkum dalam permasalahan Rukun Iman perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum syariat dan ibadah yang disesuaikan mengikut tuntutan Rukun Islam yang menjadi taklif kepada setiap umat Islam boleh dilaksanakan. Seiring itu pembentukan adab dan akhlak

bagi menterjemahkan rukun Ihsan perlu dilalui dengan petunjuk ilmu dan amal tasawuf. Hasil analisis juga mendapati enam konsep pendidikan Islam ini memenuhi lima asas falsafah pembangunan insan berteraskan Islam yang digariskan sebagai *tauhid*, *rububiyyah*, *khilafah*, *tazkiyah* dan *al-falah* (Aidit Ghazali 1990).


Dalam konteks rujukan kajian yang sama, enam kaedah pendidikan Islam yang dicadangkan dalam kitab *Hidayah al-Salikin* telah digunakan sebagai asas penganalisisan bagi mengetahui kaedah, pendekatan atau cara bagaimana unsur-unsur kerohanian boleh dibangunkan pada peringkat teori. Ini bermakna, apabila proses ke arah pencapaian ilmu tasawuf tersebut difahami, maka kaedah bagi membangunkan seseorang insan juga dapat diketahui dan diformulasi secara tepat dan sistematik.

Kaedah Tazkiyah *al-Nafs*

Analisis pada peringkat mikro pula, mengikut sudut pandang ilmu kerohanian Islam, menunjukkan bahawa kaedah yang dianggap merentasi keseluruhan pendekatan pendidikan yang disebutkan sebelum ini merupakan kaedah *Tazkiyah al-Nafs*. Secara umum, *tazkiyah al-nafs* bermaksud penyucian, pembersihan serta penyuburan diri yang dianjurkan sebagai kaedah membersihkan hati daripada sifat-sifat terkeji dan membangunkan sifat-sifat terpuji dalam diri insan. Sebagai suatu terma spiritual, *tazkiyah al-nafs* mengandungi makna suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersih dan menyucikan diri seseorang manusia dari sifat-sifat buruk dan keji (*mazmumah*) yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak mulia (*mahmudah*) seseorang insan (Che Zarrina & Nor Azlinah, 2016).

Kaedah *tazkiyah* yang dianjurkan dalam kandungan kitab ini terdiri daripada tiga tahap yang disusun secara berurutan seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.

Rajah 2. Kaedah *Tazkiyah al-Nafs* menurut *Hidayah al-Salikin*



Rajah 2 membentangkan bagaimana kaedah *Tazkiyah al-Nafs* diimplementasikan dalam huraihan teks kitab *Hidayah al-Salikin*. Kaedah *tazkiyah* sebenarnya satu proses yang melibatkan tiga mekanisme penyucian. Tahap pertama dinamakan *takhalli*, usaha penyucian dan mengosongkan akal, jiwa, hati, adab dan akhlak daripada sifat-sifat keji. Pada tahap ini sifat-sifat kekejadian hati mesti dibuang dan dibersihkan daripada menempati jiwa insan. Tahap kedua ialah *tahalli* yang melibatkan usaha pengisian hati dengan sifat-sifat terpuji bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh sifat-sifat terkeji yang telah dibuang. Akhirnya tahap *tajalli*, yakni sifat yang telah bersebatai dan wujud dalam bentuk dorongan untuk mengamalkan sifat-sifat terpuji tanpa melalui susah payah lagi kerana ia telah menyatu dengan hati.

Inti pati kandungan yang dibentangkan dalam kitab ini menunjukkan bahawa kaedah *takhalli* telah terlibat dalam beberapa tahap atau fasa penyucian. Dari aspek praktik, kaedah *takhalli* dilaksanakan melalui *mujahadah al-nafs* untuk menyuci dan membuang sifat-sifat keji (*mazmumah*) seperti marah, hasad, bakhil, takabbur, ujub, riyak dan cintakan dunia. Secara teknikal, kaedah ini boleh diuraikan melalui lima proses seperti berikut:

1. Menyucikan yang najis dengan melakukan istinja dengan cara yang telah ditunjukkan melalui syariat.
2. Menyucikan yang kotor dengan cara mandi atau membasuh dengan teliti.
3. Menyucikan yang bersih dengan cara berwuduk, tayammum dan mandi hadas bagi membolehkan diri mengerjakan ibadah khusus.
4. Menyucikan yang suci (*fitrah*) dengan melaksanakan segala tuntutan ibadah yang wajib seperti solat, puasa, zakat dan haji. Perlaksanaan zakat misalnya menyucikan harta umat Islam dan solat pula mengembalikan jiwa *musalli* kepada *fitrah* kehambaan sebenar (*khusyuk*, *khudu* dan *tawaduk*).
5. Menyucikan Yang Maha Suci dengan mengosongkan fikiran dan ingatan daripada selain Allah SWT yang dilaksanakan melalui cara berzikir mentauhidkan Allah Ta’ala.

5. Menyucikan Yang Maha Suci dengan mengosongkan fikiran dan ingatan daripada selain Allah SWT yang dilaksanakan melalui cara berzikir mentauhidkan Allah Ta’ala.

Lima proses yang diungkapkan dalam kandungan kitab ini juga merupakan tiga bentuk hijab atau tabir yang dikira membatasi manusia dengan Tuhan. Hijab pertama ialah kesucian daripada najis dan hadas yang terkandung dalam perkara (a), (b) dan (c) yang semuanya dibincangkan dalam bab taharah yang sebelumnya. Hijab kedua merupakan taat dan maksiat zahir yang terkandung dalam perkara (d) yang turut dibincangkan dalam taklif ibadah berbentuk suruhan dan larangan (anggota tujuh) sebelum ini. Hijab ketiga ialah taat dan maksiat batin yang terkandung dalam perkara (e) dan juga telah dibincangkan dalam bab dua, enam dan empat kitab ini.

Kaedah *takhalli* yang melibatkan lima lapisan penyucian ini bukanlah sesuatu yang mudah; ia memerlukan komitmen yang akan melalui daya juang diri (*mujahadah al-nafs*) yang berterusan. Penyucian sifat-sifat keji terutamanya dipandang penting kerana sifat ini dianggap sebagai najis maknawi yang menghalang seseorang insan untuk mendekati atau melakukan ibadah yang diperintahkan Allah SWT. Hanya setelah melalui lima lapisan penyucian tersebut maka kaedah seterusnya yang dicadangkan ialah kaedah *tahalli*. Dengan lain perkataan tahap *tahalli* merupakan tahap pengisian jiwa yang telah dikosongkan pada tahap *takhalli*.

Kaedah *tahalli* ialah kaedah pengisian rohani dengan sifat-sifat terpuji. Ia melibatkan usaha agar dalam setiap gerak laku zahir dan batin berjalan di atas kehendak agama. Proses ini melibatkan *riyadah al-nafs* (latihan diri) yang dilaksanakan melalui dua aspek ketaatan. Pertama, ketaatan batin yang diusahakan melalui amalan sifat-sifat terpuji seperti *khauf*, *sabar*, *syukur*, *ikhlas*, *tawakal* dan *mahabbah*. Kedua, ketaatan zahir yang dilaksanakan melalui taklif ibadah sama ada dalam bentuk mentaati suruhan atau menjauhi larangan syariat.

Akhirnya *tajalli* ialah hasil yang diperoleh daripada proses *mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs* yang dilalui melalui fasa *takhalli* dan *tahalli*. Pada tahap ini jiwa telah memiliki sifat-sifat terpuji yang telah sebatai di dalam hati. Ia diibaratkan sebagai insan yang menerima pancaran Nur Ilahi, sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Quran yang bermaksud; Allah yang menerangi langit dan bumi (al-Quran 25:35).

Walaupun pendekatan *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* yang disarankan dalam kitab ini nampaknya mudah dan sangat ringkas seperti yang diterangkan, namun apabila kaedah itu hendak dihayati sehingga *tazkiyah al-nafs* itu

benar-benar berhasil, ia bukanlah sesuatu yang mudah. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian berdasarkan penekanan teks manuskrip tersebut yang dapat digariskan sebagai:

Pertama, kaedah *tazkiyah al-nafs* yang dimaksudkan dalam kitab ini mestilah diasaskan kepada kaedah ibadah yang terdiri daripada dua bentuk: ibadah asas atau fardhu, dan ibadah sunat. Manakala kemuncak kepada kedua-dua ibadah tersebut ialah amalan *zikrullah* yang mencapai kepada *makrifat Allah*.

Kedua, kaedah *tazkiyah al-nafs* yang diusahakan juga perlu bersih daripada dosa terutama yang berpunca daripada maksiat yang dilakukan oleh tujuh anggota manusia. Anggota tujuh yang dimaksudkan ialah mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan dan hara kaki. Usaha menjauhkan tujuh anggota lahiriah ini daripada dosa dan maksiat seperti yang disandarkan daripada dalil hadis atau al-Quran merupakan satu kaedah yang penting dilakukan untuk mencapai kemurnian rohani yang diharapkan.

Ketiga, perlaksanaan kaedah *tazkiyah al-nafs* yang dicadangkan juga perlu menjadikan *maqamat* atau *awwal* sebagai satu cara merealisasikan tujuan pendidikan kerohanian berteraskan Islam. Maqam dan hal yang disusun dalam kitab ini ialah taubat, khauf, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakal, mahabbah, reda dan mengingati mati. Pendekatan ini penting bagi mendorong insan untuk meningkatkan tahap kerohanian mereka kepada tingkat keimanan dan amalan yang selayaknya bagi Allah SWT.

Keempat, *tazkiyah* sebagai satu konsep besar yang mendasari pendidikan kerohanian Islam yang juga merupakan satu bentuk *ubudiyah*. Maka menjalani dan mengendalikannya memerlukan kepada modul yang boleh diikut. Untuk itu kaedah pembentukan kebiasaan adab mulia telah dianjurkan melalui kandungan kitab ini. Modul yang ditunjukkan melalui senarai adab insan terhadap Allah SWT, adab anak terhadap ibu bapa, adab murid dengan guru, adab sesama sahabat, dan adab sosial dengan masyarakat umum. Maka melazimi adab-adab ini dalam kehidupan merupakan satu kaedah yang praktik bagi menyuburkan sifat-sifat kebaikan dalam konteks hubungan *hablum min Allah* dan *hablu min al-nas*.

Analisis teoretikal ini memperakarkan bahawa manuskrip *Hidayah al-Salikin* ini mengandungi kaedah dan pendekatan pendidikan kerohanian yang meliputi pembangunan ilmu, akidah, ibadah, anggota tujuh, rohani dan akhlak serta adab sosial. Manakala hierarki keutamaan kaedah pula meletakkan pembangunan rohani

dan akhlak sebagai mauduk utama yang mendasari perbincangan kitab ini.

Sementara *tazkiyah al-nafs* merupakan kaedah yang mendasari pendekatan pendidikan kerohanian berteraskan Islam. Justeru, meneliti kaedah dan pendekatan pendidikan kerohanian yang dibincangkan setakat ini menampakkan satu bentuk formula pendidikan kerohanian yang tersusun, strategik dan munasabah. Walaupun persekitaran yang melahirkan kaedah ini telah banyak berbeza, namun sasarannya tetap satu, iaitu diri manusia. Maka rumusan kaedah beserta pendekatan pendidikan kerohanian yang terkandung dalam manuskrip *Hidayah al-Salikin* ini dikira wajar diketengahkan dan diglap semula untuk disesuaikan dengan keperluan dan kegunaan dalam dunia pendidikan Melayu-Islam pada masa kini.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian ini telah meneroka banyak penemuan penting berkaitan ketokohan al-Falimbani dan keistimewaan kitab *Hidayah al-Salikin* dalam menjelaskan kaedah dan pendekatan pendidikan kerohanian berteraskan Islam. Implikasi kajian teks terhadap kitab *Hidayah al-Salikin* juga memberi impak praktikal yang signifikan terhadap pengukuhan pendekatan pendidikan kerohanian insan. Hal ini jelas boleh dilihat melalui pendekatan spiritual (*tazkiyah al-nafs*) yang digunakan dalam kitab tersebut, terutama bagi menimbulkan kesedaran, menyingkir sifat-sifat kekejadian, memupuk sifat-sifat kepujian dan mengekalkan serta mengukuhkan penghayatan ibadah. Meskipun kaedah *tazkiyah al-nafs* yang diketengahkan hanyalah satu sample yang bersifat terhad, namun dapatan kajian ini cukup untuk menggambarkan bahawa pendekatan ini relevan dalam usaha mengukuh pendekatan pendidikan aspek kerohanian Islam yang sedia menjadi tujuan yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara. Hasil kajian juga membayangkan jika kaedah ini boleh dikembang dan diperluaskan pada masa hadapan, tentunya kajian seumpama ini akan lebih lengkap dan menjadi jalan penyelesaian yang lebih tepat kepada isu keruntuhan moral dan adab dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian dapatan kajian dilaksanakan di bawah kelulusan cuti penyelidikan (sabatikal) daripada Universiti Sains Malaysia dengan tajuk Falsafah Pendidikan Berteraskan Islam dalam Manuscrip Kitab Jawi.

Rujukan

Audit Ghazali. (1990). *Development: An Islamic Perspective*. Pelanduk Publications.

Al-Attas, Syed Muhamamd Naquib. (1991). *The Concept of Education in Islam*. International Institute of Islam Thought and Civilization.

Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah. (2016). Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs. *Afkar*, 18(Special Issue), 35-72.

Ding, Choo Ming. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Utusan Publications.

Hassan Langgulung. (1995). *Pendidikan Islam dan peralihan paradigma*. Hizbi.

Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas (Tambahan Ketiga), Pusat Manuskrip Melayu. Perpustakaan Negara Malaysia.

Hidayah al-Salikin. MSS 2904, Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada Wan Hassan. (2017). Pendidikan Rohani Berasaskan Sains al-Quran, *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 1(1), 64-77.

Mohamad Kamil Ab Majid. (2011). Pemikiran Kerohanian Yusuf al-Qaradawi: Analisis Bukunya al-Tariq Ila Allah. [PhD Tesis, Universiti Malaya].

Muhammad Uthman el-Muhammady. (1972). The Islamic concept of education according to Shaykh 'Abdus-Samad of Palembang (rh) and its significance in relation to the issue of personality integration. *Akademiqa*. 1, 59-84. ISSN 0126-5008

Syiekh Abdul Samad al-Falimbani. (1935). *Hidayah al-Salikin*. Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.

Wan Mohd. Saghir Abdullah. (1996). *Syeikh Abdus Shamad Palembang: Ulama shufi dan jihad dunia Melayu*. Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2018). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraiyan Konsep Asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.